

Ribut, terbangkan atap rumah

Oleh: Norfaziera Aimy, 1180160

NOVEMBER 15, 2020 @ 11 am

PERAK : Sebanyak tiga buah rumah terjejas teruk akibat dilanda ribut kuat yang berlaku di kawasan perumahan Bandar Baru Putra, Ipoh, pada 14 November 2020.



Keadaan bumbung rumah penduduk selepas diterbangkan angin kuat. Foto JPAM

Kejadian berlaku kira-kira 2.45 petang semalam, menyebabkan bumbung tiga rumah penduduk di kawasan ini diterbangkan angin yang berlaku tidak sampai lima minit.

Menurut salah seorang mangsa Roslina Mohd Zain, 57, berkata, ketika kejadian dia dan suami baru sahaja selesai makan tengah hari, apabila suaminya ke dapur beliau melihat angin kencang dari arah pintu belakang.

“Selang seminit kami kemudian terdengar seperti benda jatuh atas bumbung dan rumah terasa seperti digoncang kerana dilanda ribut.”

“Saya yang tidak sedap hati terus meminta anak perempuan saya membawa cucu-cucu masuk ke dalam rumah kerana mereka sedang bermain di luar ketika itu,” katanya.

“Anak saya kemudian memberitahu angin kuat itu seakan puting beliung ketika menyelamatkan cucunya sebab ia berpusing-pusing sebelum bumbung rumah kami terjatuh,” katanya.

Menurutnya, beliau dan suami, Ramli Zainal, 67, berkata, mereka sempat melihat kejadian itu apabila angin tersebut berpusing menghampiri kawasan rumah jiran di hadapannya dan mengangkat baju-baju di ampaian serta sampah-sarap yang terhimpun sebelum berpusing kembali ke deretan perumahan mereka dan menerbangkan dua atap rumah jiran yang lain.



Kerja-kerja memasang semula atap rumah oleh penduduk di Bandar Baru Putra dan anggota JPAM – FOTO NORFAZIERA AIMY

Seorang lagi mangsa, Rohani Arsyad, 57, berkata “Selain atap rumah diterbangkan, rumah kami juga mengalami kebocoran ketika kerja-kerja membaiki pulih dijalankan kerana hujan turun selepas kejadian itu, katanya.

Menurutnya lagi, kerugian yang terpaksa ditanggung atas perbelanjaan membaiki atap rumah dan kebocoran ialah sebanyak 2 ribu ringgit.

“Kami juga menerima sedikit bantuan daripada Ketua Kampung dan ihsan rakan-rakan sebanyak 400 ringgit,” katanya.

Sementara itu, Anggota Pertahanan Awam, Daerah Tambun, Ainol Shahril berkata, setakat ini pihaknya dimaklumkan hanya tiga buah rumah di kawasan perumahan itu terbabit dalam kejadian berkenaan serta tiada kemalangan jiwa yang dilaporkan.